

06/09/2003

PM, isteri jenguk Sharifah Aini di IB

Suraiya Mohd Nor

MENGIKUT rancangan awal, Konsert Simfoni Ghazal Johor Bersama Datuk Sharifah Aini berlangsung selama tiga malam bermula 5 hingga 7 September tetapi sebagai tanda penghargaan dan penghormatan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Muhammad, Istana Budaya dengan kerjasama Yayasan Warisan Johor dan Kerajaan Negeri Johor, melanjutkan konsert ini semalam lagi.

Konsert simfoni jemputan khas yang berlangsung pada 8 September ini, bakal dihadiri Datuk Seri Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Sementara pada malam pembukaan, persembahan diserikan dengan kehadiran Yang Di Pertuan Agong, Menteri Brunei Darussalam, kerabat Diraja Brunei, Tengku Bendahara Johor serta pembesar Negeri Johor.

Kehadiran orang kenamaan ini semakin menyemarakkan semangat biduanita evergreen yang awet muda, Datuk Sharifah Aini untuk memberikan persembahan mantap dan berkesan.

"Ia satu tanggungjawab besar bagi saya kerana mereka yang menghadiri konsert ini ingin menyaksikan persembahan saya. Sehingga kini kami sudah mengadakan latihan intensif dan sememangnya saya menunggu-nunggu untuk menjayakan konsert ini," katanya ketika ditemui pada majlis pratonton media konsert berkenaan di Istana Budaya, Rabu lalu.

Dalam tempoh dua jam yang dibahagikan kepada dua segmen persembahan, penyanyi tersohor ini dijangka mendendangkan lebih 20 lagu irama Melayu seperti ghazal, deli, asli, masri, zapin, joget, Melayu klasik dan juga gurindam.

Persembahannya bakal diiringi 80 pemuzik termasuk pemuzik instrumen bertali daripada Orkestra Simfoni Kebangsaan dan pemuzik ghazal Johor.

Sekalipun dipersembahkan secara orkestra dan simfoni, ciri-ciri ghazal seperti menggunakan alat muzik peti harmonium, biola, gambus, gitar, mandolin, tabela, marakas dan tamborin dikekalkan.

Ketika menyaksikan sebahagian persembahan konsert, keistimewaan irama ghazal ini terserlah dan terasa keindahan irama tradisional yang jarang sekali mendapat tempat di hati generasi muda.

Bukan calang-calang orang boleh menyampaikan lagu ghazal dengan baik kerana muzik tradisional ini memerlukan penyanyi yang mampu membawakan nada tinggi dan nyaring, memahami lengkok lagu serta peka pada muzik terutama di mana dia perlu mula menyanyi.

Sharifah Aini mengakui, dia juga menghadapi kesukaran dan masih pada peringkat mempelajari menyanyi ghazal.

"Saya lebih kepada irama deli dan konsert ini semakin memperkayakan pengalaman saya sungguhpun sudah membabitkan diri selama 35 tahun dalam bidang seni. Menyanyikan irama ghazal kena peka berikutan susunan muziknya lain sikit. Lagunya berulang-ulang dan jika tidak mendengarnya dengan teliti, kita mungkin terlepas (menyanyi). Ia tidak sama seperti lagu pop," katanya.

Bagi memantapkan konsert ini, persembahannya diiringi 10 penyanyi latar termasuk kumpulan Alam. Persembahannya turut diselangi gesekan biola Idris Mohamad sebelum meneruskan dengan koleksi permata seni seperti Cinta Alaika, Fatwa Pujangga, Kain Songket, Empat Dara, Tiba-Tiba Rindu, Zapin Budi, Hiburkanlah Hatiku, Semalu Rimba dan Awallah Dondang.

Sharifah Aini juga akan menyampaikan lagu Bunga Tanjung tetapi dengan sedikit kelainan menerusi susunan muzik lebih besar tanpa alat muzik tiupan. Konsert ini turut menampilkan penyanyi veteran ghazal, Asiah Bakar, Mahidin Bedu, SA Aishah, Rosiah Chik, Datin Orchid Abdullah dan Ramlah Ram.

Turut ditampilkan Kumpulan Ghazal Remaja serta artis popular Johor

termasuk Subari Palil, Abdul Rahman Kamarudin dan Wahida selain diserikan dengan kehadiran 55 penari. Tiket berharga RM76, RM101, RM201 dan RM401 sudah habis dijual. Bagaimanapun, tiket berharga RM51 boleh dibeli di Box Office, Istana Budaya, telefon 03-40255932 atau layari laman web: [www.istanabudaya.gov.my](http://www.istanabudaya.gov.my)